

10 JUL 2002

Renang-Selat/I

PERENANG M'SIA SEMAKIN YAKIN DENGAN CUBAAN RENANG RENTAS SELAT INGGERIS

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 10 Julai (Bernama) -- Abdul Malik Mydin dari Buterworth yang merancang menjadi perenang Asia Tenggara pertama merentas Selat Inggeris, puas hati dengan latihan yang dilaluinya sejak tiba di sini sebulan lepas.

Menerusi tunjuk ajar jurulatih adik-beradik peserta marathon terkemuka, John dan Tammy van Wisse, yang pernah berenang beberapa kali merentas Selat Inggeris, Malik telah mengubah sepenuhnya teknik dan kuaknya dan prestasi beliau semakin baik.

"Prestasi saya semakin baik setiap hari," kata Malik kepada Bernama di sini hari ini.

"Masa yang dicatatkan juga semakin baik setiap hari dan saya yakin saya mampu bersaing pada cabaran Selat Inggeris Julai tahun depan," katanya.

Usaha Malik, 27, itu dinaungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malik berkata latihannya di Pusat Renang Sandringham di sini yang berakhir Rabu depan, paling baik dalam persiapan dua tahunnya untuk menakluki Selat Inggeris.

Beliau menyedari bahawa kadar kejayaan hanya tujuh peratus dan Selat itu diibaratkan seperti Gunung Everest oleh perenang marathon. Beliau juga sedar bahawa lebih ramai orang mendaki Everest daripada berenang merentas Selat Inggeris.

Atas nasihat Alison Streeter, "Ratu Selat Inggeris" yang telah melakukan 41 renang merentas selat itu, Malik meminta bantuan John untuk memperbaiki renangnya.

"John dan Tammy (van Wisse) telah banyak membantu saya. Mereka jurulatih yang baik selain bijak membangkitkan semangat saya bagi mendapatkan yang terbaik untuk saya," kata Malik.

"Saya sangat gembira dengan latihan di Melbourne dan merancang untuk datang ke sini Disember depan untuk meneruskan latihan," katanya.

Malik merancang meneruskan latihan di England dan menyertai renang marathon di Zurich, Switzerland, diikuti renang Langkawi pada Oktober.

Bekas atlit lumba basikal kebangsaan yang kini bertugas sebagai pengawal peribadi dan ditaja oleh Malaysia Electronic Corporation itu juga memberi tumpuan kepada teknik bina badan dengan harapan beliau mampu mengharumkan nama Malaysia.

-- BERNAMA

NDC AFY LAT